

KL sedia bekal vaksin halal ke negara OIC

BH-15/6/2007

Kepakaran R&D tempatan mampu terajui pengeluaran produk: PM

Oleh Abdul Razak Raaff

PETALING JAYA: Malaysia mampu menerajui pengeluaran vaksin halal bagi pelbagai penyakit untuk dibekalkan kepada negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) kerana memiliki kepakaran dan kemudahan lengkap untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Pengerusi OIC, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata sektor R&D di negara ini termasuk dalam bidang bioteknologi dan farmaseutikal sedang berkembang pesat dan ia memberi kelebihan kepada Malaysia menerajui pengeluaran vaksin halal.

"Buat masa ini, kita mengambil inisiatif menerajui pengeluaran vaksin halal kerana kita memiliki kemudahan R&D yang serba lengkap tetapi ini bukan bermakna kita mahu mendahului negara OIC lain.

"Sebaliknya, kita memiliki kepakaran untuk berbuat demikian dan biarlah kita melaksanakan program berkenaan terlebih dulu untuk membantu negara Islam lain," katanya pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Menteri Kesihatan OIC, di sini semalam.

Hadir sama Setiausaha Agung OIC, Prof Dr Ekmeleddin Ihsanoglu; Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Chua Soi Lek dan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Mohd Ismail Merican.

Persidangan empat hari berakhir hari ini bertujuan meningkatkan kerjasama negara Islam dalam membanteras penyakit yang boleh dicegah dengan vaksin.

Perdana Menteri berkata, kerajaan menubuhkan Institut Kebangsaan Bagi Produk Asli, Vaksin dan Biologi (9Bio) yang dijadual memulakan operasi 2008, dengan tumpuan

khusus dalam pengeluaran vaksin, sekali gus menjadi agensi penting bagi menggalakkan kerjasama OIC.

"Pembangunan vaksin halal adalah antara bidang yang menarik minat kita. Institut itu sedang bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam (Jakim) bagi mendapatkan sijil halal dan saya yakin usaha terbaru ini dapat mempromosikan kesihatan awam di negara Islam," katanya.

Abdullah berkata, pertubuhan itu mengalu-alukan jika negara OIC lain juga berkemampuan menghasilkan vaksin halal bagi pelbagai penyakit sejajar dengan Program Pengeluaran Sendiri Vaksin (SRVP) yang sudah tujuh tahun dilaksanakan.

"Jika ada negara OIC lain yang berupaya mengeluarkan vaksin halal mereka perlu teruskan usaha mereka demi kebaikan semua pihak dalam meningkatkan kualiti kesihatan di negara Islam," katanya.

Selain itu, beliau berkata, OIC akan terus menguatkan lagi program pembangunan kualiti kesihatan awam di kalangan pertubuhan itu termasuk mengukuhkan lagi kerjasama antara negara anggota dalam mengenal pasti bidang khusus yang baru seperti pengeluaran vaksin.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau berkata, OIC perlu lebih terbuka dan telus bekerjasama dengan pertubuhan berkaitan kesihatan antarabangsa seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unicef) dan Pusat Kawasan Penyakit (CDC) Amerika Syarikat.

"Dalam usaha kita mengambil tindakan bersepadu bagi mempromosi meningkatkan kualiti kesihatan anggota OIC, kita perlu terus mendapatkan sokongan dan bantuan daripada organisasi berkenaan bagi menangani dengan serius ancaman wabak penyakit," katanya.

Abdullah berkata, usaha berterusan mempromosi pembangunan kesihatan awam adalah perlu berikutan kadar kematian bayi baru lahir ialah 100 orang bagi setiap 1,000 kelahiran di sebahagian negara anggota OIC di Afrika dan Asia Tengah.

"Hanya beberapa negara Islam seperti Malaysia, Brunei dan Bahrain yang memiliki kadar kematian bayi baru lahir rendah, iaitu 10 orang bagi setiap 1,000. Selain itu, kadar kematian kanak-kanak bawah umur lima tahun di negara Islam juga tinggi," katanya.

FAKTA NOMBOR

Sidang Menteri Kesihatan OIC

100

Peserta

30

Negara